



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Universiti Teknologi MARA dengan ini mempelawa calon-calon Bumiputera Warganegara Malaysia yang berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk mengisi kekosongan jawatan tetap, kontrak dan sementara di Kampus Shah Alam dan Cawangan (seperti yang dinyatakan) bagi memenuhi Wawasan 2020 Negara.

I. JAWATAN

| BIL | JAWATAN | GREED | SKIM PERKHIDMATAN | JADUAL GAJI | | | | |
|-----|--|-------|----------------------------------|-------------|------------|---|-------|-----------|
| 1 | PEMBANTU PERUBATAN | U29 | Pembantu Perubatan | P1T1 | RM 928.55 | - | P1T27 | RM2445.89 |
| | | | | P2T1 | RM 985.42 | - | P2T27 | RM2623.76 |
| | | | | P3T1 | RM1044.71 | - | P3T27 | RM2781.06 |
| 2 | PENOLONG PEGAWAI SAINS (BIDANG: SAINS) | C27 | Penolong Pegawai Sains | P1T1 | RM 972.11 | - | P1T26 | RM2436.21 |
| | | | | P2T1 | RM1027.77 | - | P2T26 | RM2593.51 |
| | | | | P3T1 | RM1085.85 | - | P3T26 | RM2741.13 |
| 3 | PENOLONG PEGAWAI SISTEM MAKLUMAT | F29 | Penolong Pegawai Sistem Maklumat | P1T1 | RM1235.89 | - | P1T21 | RM2427.74 |
| | | | | P2T1 | RM1292.76 | - | P2T21 | RM2589.88 |
| | | | | P3T1 | RM1352.05 | - | P3T21 | RM2732.66 |
| 4 | PENOLONG PEGAWAI BELIA DAN SUKAN | S27 | Penolong Pegawai Belia dan Sukan | P1T1 | RM 963.64 | - | P1T26 | RM2421.69 |
| | | | | P2T1 | RM1019.30 | - | P2T26 | RM2570.52 |
| | | | | P3T1 | RM1077.38 | - | P3T26 | RM2724.19 |
| 5 | PENOLONG PENGURUS LADANG | G27 | Penolong Pengurus Taman/Ladang | P1T1 | RM 964.85 | - | P1T26 | RM2422.90 |
| | | | | P2T1 | RM 1020.51 | - | P2T26 | RM2571.73 |
| | | | | P3T1 | RM1078.59 | - | P3T26 | RM2725.40 |
| 6 | JURUTEKNIK KOMPUTER | FT17 | Juruteknik Komputer | P1T1 | RM 674.45 | - | P1T26 | RM1860.25 |
| | | | | P2T1 | RM 716.80 | - | P2T26 | RM1961.89 |
| | | | | P3T1 | RM 760.36 | - | P3T26 | RM2067.16 |
| 7 | JURUTEKNIK (BIDANG: MEKANIKAL) | J17 | Juruteknik | P1T1 | RM 674.45 | - | P1T26 | RM1860.25 |
| | | | | P2T1 | RM 716.80 | - | P2T26 | RM1961.89 |
| | | | | P3T1 | RM 760.36 | - | P3T26 | RM2067.16 |
| 8 | PENJAGA JENTERA ELEKTRIK | R17 | Penjaga Jentera Elektrik | P1T1 | RM 933.39 | - | P1T15 | RM1585.58 |
| | | | | P2T1 | RM 974.53 | - | P2T15 | RM1666.65 |
| | | | | P3T1 | RM 1016.88 | - | P3T15 | RM1751.35 |
| 9 | PENGAWAL KESELAMATAN | KP11 | Pengawal Keselamatan | P1T1 | RM 548.61 | - | P1T21 | RM1269.77 |
| | | | | P2T1 | RM 580.07 | - | P2T21 | RM1335.11 |
| | | | | P3T1 | RM 612.74 | - | P3T21 | RM1401.66 |
| 10 | PEMBANTU TADBIR RENDAH (PEMBANTU PRAMUSAJI/STEWARD/ FRONT OFFICE ASSISTANT/ HOUSEKEEPING) | N11 | Pembantu Tadbir Rendah | P1T1 | RM525.62 | - | P1T22 | RM1296.39 |
| | | | | P2T1 | RM557.08 | - | P2T22 | RM1362.94 |
| | | | | P3T1 | RM589.75 | - | P3T22 | RM1430.70 |

| BIL | JAWATAN | GREDE | SKIM PERKHIDMATAN | JADUAL GAJI | | | | |
|-----|--------------|-------|----------------------------|-------------|-----------|---|-------|-----------|
| 11 | PEMANDU | R3 | Pemandu Kenderaan Bermotor | P1T1 | RM 519.57 | - | P1T17 | RM1003.57 |
| | | | | P2T1 | RM 551.03 | - | P2T17 | RM1054.39 |
| | | | | P3T1 | RM 583.70 | - | P3T17 | RM1106.42 |
| 12 | TUKANG MASAK | N1 | Tukang Masak | P1T1 | RM 480.85 | - | P1T22 | RM1116.10 |
| | | | | P2T1 | RM 512.31 | - | P2T22 | RM1172.97 |
| | | | | P3T1 | RM 544.98 | - | P3T22 | RM1231.05 |

II. SYARAT LANTIKAN

1) PEMBANTU PERUBATAN

Penempatan : Cawangan Sabah/Pulau Pinang/Kedah/Johor/Perlis

- (a) Diploma Pembantu Perubatan daripada Kolej Pembantu Perubatan Kementerian Kesihatan Malaysia yang diiktiraf oleh Kerajaan serta telah berdaftar dengan Lembaga Pembantu Perubatan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred U29: P1T6);

DAN

- b) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

2) PENOLONG PEGAWAI SAINS (BIDANG : SAINS)

Penempatan : Kampus Shah Alam

- (a) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dengan mendapat prinsipal dalam subjek Matematik atau Sains; ATAU
- (ii) diploma dalam bidang sains yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; ATAU
- (iii) diploma dalam teknologi makmal yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred C27: P1T5); ATAU

- (iv) diploma dalam bidang kimia industri yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred C27: P1T6);

DAN

- (b) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Makmal adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Sains Gred C27, tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan (a) di atas; ATAU
(ii) lulus Peperiksaan Khas.

3) PENOLONG PEGAWAI SISTEM MAKLUMAT

Penempatan : Kampus Shah Alam

- (a) diploma dalam bidang sains komputer yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

DAN

- (b) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Juruteknik Komputer adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Sistem Maklumat Gred F29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan (a) di atas; ATAU
(ii) hadir dengan jayanya kursus peralihan Penolong Pegawai Sistem Maklumat yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan.

4) PENOLONG PEGAWAI BELIA DAN SUKAN

Penempatan : Cawangan Kelantan

- (a) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; ATAU
(ii) diploma dalam bidang pentadbiran awam yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred S27 : P1T5);

DAN

- (b) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Keutamaan diberi kepada calon yang mempunyai pengalaman dalam kegiatan-kegiatan belia dan sukan)

Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Belia dan Sukan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Belia dan Sukan Gred S27, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :-

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan (a) di atas; ATAU
(ii) lulus Peperiksaan Khas.

5) PENOLONG PENGURUS LADANG

Penempatan : Cawangan Sabah

- (a) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; ATAU
(ii) diploma dalam bidang sains gunaan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred G27: P1T5); ATAU
(iii) diploma dalam bidang pertanian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred G27: P1T6);

DAN

- (b) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Taman/Ladang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pengurus Taman/Ladang Gred G27, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan (a) di atas; ATAU
(ii) lulus Peperiksaan Khas.

6) **JURUTEKNIK KOMPUTER**
Penempatan : Kampus Shah Alam/Cawangan Pahang

- (a) (i) Sijil Pelajaran Malaysia (Vokasional) dalam bidang elektrik atau elektronik atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; ATAU
 - (ii) sijil dalam bidang kejuruteraan elektronik (komputer) yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- (Gaji permulaan ialah pada Gred FT17: P1T9);

DAN

- (b) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Operator Mesin Prosesan Data adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Juruteknik Komputer Gred FT17, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan (a) di atas; ATAU
- (ii) lulus Peperiksaan Khas atau hadir dengan jayanya kursus peralihan Juruteknik Komputer yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan.

7) **JURUTEKNIK (BIDANG : MEKANIKAL)**
Penempatan : Kampus Shah Alam

- (a) sijil dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- (Gaji permulaan ialah pada Gred J17 : P1T9);

DAN

- (b) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

8) **PENJAGA JENTERA ELEKTRIK**
Penempatan : Kampus Shah Alam

- (a) (i) tamat Tingkatan III sekolah menengah rendah bantuan penuh kerajaan;
- (ii) sekurang-kurangnya mempunyai sijil AO (Sistem Pepasangan Kilang-kilang) yang dikeluarkan oleh Jemaah Pemeriksa Elektrik atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;

DAN

- (b) berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan.

Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Tukang K2 (Tukang Elektrik), Tukang K3 (Pendawai dan Pencari Kerosakan) adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penjaga Jentera Elektrik Gred R17, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- (a) mempunyai kelayakan di perenggan (a) (ii) di atas.

9) **PENGAWAL KESELAMATAN**
Penempatan : Kampus Shah Alam

- (a) (i) Penilaian Menengah Rendah/Sijil Rendah Pelajaran atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; ATAU
- (ii) bekas Konstabel Polis DiRaja Malaysia atau Prebet Angkatan Tentera Malaysia yang telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan;

- (b) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti berikut:

- (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
- (ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg. bagi lelaki dan 46kg. bagi wanita;
- (iii) mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 79sm dan semasa menarik nafas 84 sm (lelaki sahaja);
- (iv) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan cermin mata; DAN
- (v) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat.

DAN

- (c) calon yang memiliki kelayakan di perenggan (a)(i) hendaklah lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Menengah Rendah/Sijil Rendah Pelajaran atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Am Rendah, Atendan Kesihatan dan Atendan Haiwan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pengawal Keselamatan Gred KP11, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :-

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan (a) di atas; ATAU
- (ii) lulus Peperiksaan Khas.

10) PEMBANTU TADBIR RENDAH (PEMBANTU PRAMUSAJI/ STEWARD/ FRONT OFFICE ASSISTANT/ HOUSEKEEPING)

Penempatan : Hotel UiTM Shah Alam

- (a) (i) berpelajaran di peringkat sekolah menengah rendah bantuan penuh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; ATAU
- (ii) mempunyai kelayakan di perenggan (a) (i) di atas dan lulus ujian menaip seperti yang dinyatakan di bawah; ATAU
- (iii) Penilaian Menengah Rendah/Sijil Rendah Pelajaran atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dengan kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu pada peringkat peperiksaan tersebut atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan

(Gaji permulaan ialah pada Gred N11 : P1T2); ATAU

- (iv) Penilaian Menengah Rendah/Sijil Rendah Pelajaran atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dengan kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu pada peringkat peperiksaan tersebut atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta lulus ujian menaip seperti yang dinyatakan di perenggan di bawah.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N11 : P1T2)

Ujian Masuk

- (a) calon di perenggan (a) (ii), (iv) dan (b) (iii) dikehendaki mengambil satu ujian menaip dan lulus dengan mencapai kederasan paling rendah 35 p.s.m. daripada naskah bertulis yang jelas dan 30 p.s.m. daripada naskah bercetak atau bertaip. Kesilapan mestilah tidak melebihi 4%.
- (b) calon yang memiliki Sijil Perdagangan Malaysia dengan mendapat kelulusan taip-menaip dalam kedua-dua fasa :-
 - (i) sijil kecekapan; DAN
 - (ii) Sijil Ujian Laju pada peringkat pertengahan atau peringkat tinggi boleh dikecualikan daripada ujian menaip yang disyaratkan di perenggan (a) di atas;
- (c) calon yang memiliki Sijil Perdagangan Malaysia dengan kelulusan peringkat pertengahan adalah layak dilantik atas Gred N11 : P1T4 dan peringkat tinggi atas Gred N11: P1T6.

11) **PEMANDU**

Penempatan : Kampus Shah Alam

- (a) (i) tamat Darjah 6 sekolah rendah bantuan penuh kerajaan;
- (ii) memiliki lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I berkenaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)];
- (iii) berkebolehan memandu, mengendali dan menyenggara kenderaan bermotor berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.

Gaji permulaan ialah pada Gred R3 :

| | |
|-----------------|------|
| - Lesen D | P1T3 |
| - Lesen E/E1/E2 | P1T4 |
| - Lesen F/H | P1T5 |
| - Lesen G/I | P1T6 |

DAN

- (b) berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan baik.

Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pekerja Rendah Awam adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pemandu Kenderaan Bermotor Gred R3, tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan;

- (a) mempunyai kelayakan di perenggan (a) (ii) dan (iii) di atas.

12) **TUKANG MASAK**

Penempatan : Kampus Shah Alam

- (a) berpelajaran di peringkat Sekolah Rendah Bantuan Penuh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta mempunyai pengalaman dalam bidang masak memasak;

DAN

- (b) boleh bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan.

III. UMUR

- a. Calon-calun lantikan terus hendaklah berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.
- b. Calon-calun kenaikan pangkat secara lantikan hendaklah berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

IV. PERHATIAN KEPADA PEMOHON

- a. Permohonan dari mereka yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan-Badan Berkanun mestilah melalui Ketua Jabatan dan hendaklah disertakan dengan salinan rekod perkhidmatan yang dikemaskini.
- b. Setiap permohonan **MESTILAH** disertai dengan salinan sijil-sijil yang disahkan.
- c. Hanya permohonan yang ditapis-senarai akan dipanggil untuk temuduga.
- d. Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas **tiga (3) bulan** dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.
- e. Pemohon-pemohon mestilah bersedia untuk berkhidmat di kampus-kampus cawangan.

V. PERMOHONAN

Permohonan hendaklah dibuat di dalam Borang Perjawatan Universiti Teknologi MARA yang boleh diperolehi dengan melayari laman web UiTM di <http://www.uitm.edu.my> dan juga boleh didapati sendiri di Bahagian Pengurusan Perjawatan, Pejabat Pendaftar, UiTM Shah Alam.

Tarikh tutup permohonan ialah pada hari Isnin, 14 November 2005

Sila kemukakan permohonan kepada:



**UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA**

PENDAFTAR
(BAHAGIAN PENGURUSAN PERJAWATAN)
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
40450 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN
NO.TEL: (03) 5544 3089/3090/3092/3093
EMAIL: perjawatan@salam.uitm.edu.my